



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN SEBUT HARGA
PADA 17 JULAI 2017**

Sebutharga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera Tempatan** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Kelas Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh/ Masa & Tempat Lawatan Tapak
SH/BIL. SUKNS/ 23/ 2017	<p>Kerja-Kerja Menaiktaraf Bilik Air Di Asrama Lelaki Dan Perempuan Rumah Peranginan Kerajaan Negeri Sembilan, Port Dickson</p> <p>Peringatan : Kehadiran lawatan tapak adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri lawatan tapak. Sebarang rayuan tidak akan diterima.</p>	<p>Kelas: G1</p> <p>Kategori: B & CE</p> <p>Pengkhususan B 04 & CE 21</p>	<p>RM30.00 setiap satu borang</p>	<p>24/7/2017 (Isnin)</p> <p>9.30 pagi</p> <p>Rumah Peranginan Kerajaan Negeri Sembilan, Bt. 12 ½, Jalan Pasir Panjang, 71250 Port Dickson, Negeri Sembilan</p>

Dokumen Sebut Harga boleh didapati mulai **24 Julai 2017 hingga 1 Ogos 2017** pada waktu pejabat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (Unit Kewangan), Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Kontraktor / pembekal dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta **Sijil Pengiktirafan Bumiputera** semasa membeli dokumen Sebut Harga. Dokumen yang telah lengkap diisi disertakan bersama satu salinan bagi ketiga-tiga Sijil tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga di alamat **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, (Unit Kewangan), Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan.**

Tarikh tutup sebut harga iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, 1 Ogos 2017 (Isnin)**. Sebut Harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.